



Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Abdul Rahman Talib di Kuantan, Sariruzahira Ismail, dibantu bapa, Ismail Awang, meletakkan barang miliknya ke dalam kereta selepas sekolah ditutup, semalam. [FOTO HALIM MAT ALL/BH]



umumkan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri G Palanive, selepas mendapat nasihat daripada Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak.

“Situasi jerebu semakin teruk pada jam 5 petang dan sekolah diarah tutup sebagai langkah berjaga-jaga kerana kualiti udara yang buruk akan memberi kesan terhadap kesihatan pelajar,” katanya dalam satu kenyataan.

#### Pastikan anak di rumah

Beliau turut menasihati ibu bapa memastikan anak berada dalam rumah dan memakai topeng jika keluar.

Di **Melaka**, Ketua Menteri, Datuk Wira Idris Haron, berkata semua 313 sekolah rendah dan menengah membatalkan 159,570 pelajar diarahkan tutup akibat jerebu yang mencapai tahap berbahaya.

Katanya, sehingga jam 2 petang semalam, bacaan IPU di Bukit Rambai, 456, manakala Bandaraya Melaka, 397.

“Selepas bacaan IPU meningat dua kali ganda dalam tempoh 24 jam, kita menutup sementara sekolah rendah dan menengah di seluruh negeri sehingga diberitahu kelak,” katanya.

Rektor UiTM Melaka, Prof Madya Mohd Adnan Hashim, berkata penangguhan berkuat kuasa sehingga ditarik balik, tetapi urusan pentadbiran diteruskan seperti biasa.

Di **Kuantan**, Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yaakob, berkata beliau mengarahkan penutupan sekolah di Kuantan kerana jerebu semakin teruk dan demi kesihatan murid.

# Sekolah di 3 negeri tutup akibat jerebu

BH 24/6/13 MS 4

» Segamat, Kuantan, Port Dickson ambil langkah sama hari ini

#### Kuala Lumpur

semua sekolah di ibu negara, Selangor dan Melaka serta masing-masing satu daerah di Johor, Pahang dan Negeri Sembilan ditutup hari ini, berikutan jerebu yang makin teruk.

Universiti Teknologi MARA (UiTM) Melaka di Alor Gajah

pula menangguhkan semua kuliah hari ini berikutan Indeks Pencemaran Udara (IPU) mencapai ke paras bahaya.

#### Sekolah di empat daerah terus ditutup

Sekolah di Johor yang ditutup mulai hari ini ialah di Segamat, manakala daerah Muar, Ledang, Kluang dan Batu Pahat terus ditutup selepas diarah berbuat demikian Jumat lalu.

Bagaimanapun, sekolah di Pasir Gudang, Kota Tinggi dan Pontian dibuka semula hari ini, berikutan jerebu bertambah baik.

Selain itu, sekolah di daerah Kuantan di Pahang dan Port

Dickson di Negeri Sembilan juga diarah tutup hari ini akibat jerebu.

Penutupan sekolah di Kuala Lumpur dan Selangor di-

#### FAKTA NOMBOR

159,570 orang

pelajar sekolah rendah dan menengah di Melaka

# 'Jangan buat spekulasi isu darurat'

**Johor Bahru:** Sultan Johor, Sultan Ibrahim Iskandar, bertitah supaya rakyat tidak panik dan membuat spekulasi berikutan pengisytiharan darurat di Muar serta Ledang akibat jerebu.

Baginda bertitah, rakyat perlu mematuhi arahan pihak berkuasa, selain mengambil langkah berjaga-jaga demi menjaga keselamatan dan kesihatan mereka.

"Perintah darurat akibat jerebu ini adalah untuk kebaikan rakyat supaya mereka tinggal di rumah dan mengehadkan aktiviti luar. Jangan bimbang kerana tiada rusuhan berlaku," titah baginda, semalam.

“

*Perintah darurat akibat jerebu ini adalah untuk kebaikan rakyat.*

*Jangan bimbang kerana tiada rusuhan berlaku”*

*Sultan Ibrahim Iskandar,  
Sultan Johor*

Baginda yang turun padang meninjau keadaan di Muar ketika dalam perjalanan ke Kuala Lumpur bertitah, jerebu yang melanda negara diharap menjadi pengajaran kepada semua pihak.

## **Henti pembakaran terbuka**

"Ini pengajaran untuk semua dan hentikan pembakaran terbuka," titah baginda.

Sementara itu, Menteri Besar Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin, berkata orang ramai tidak perlu membuat pembelian bahan makanan dan bahan api seperti petrol serta diesel dalam kuantiti yang banyak kerana darurat

hanya membabitkan tahap Indeks Pencemaran Udara (IPU).

Beliau turut meminta orang ramai mengelak melakukan pembakaran terbuka kerana boleh didakwa di mahkamah dan didenda sehingga RM500,000 atau penjara sehingga lima tahun atau keduanya sekali, selain kompaun maksimum RM2,000 bagi setiap kesalahan.

Khaled juga meminta orang ramai melaporkan kes pembakaran terbuka atau kebakaran kepada Jabatan Perkhidmatan Bomba dan Penyelamat di talian 999 dan Jabatan Alam Sekitar (JAS) talian bebas tol 1-800-88-2727.